

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 OKTOBER 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

Peruntukan RM21.8 juta untuk BOPKP

Peruntukan RM21.8 juta untuk BOPKP

Bantu pasukan khas gabungan itu berdepan sebarang bentuk krisis keselamatan negara

Oleh IZWAN ROZLIN
KUALA LUMPUR

Peruntukan berjumlah RM21,856,968 juta telah diluluskan Unit Perancang Ekonomi menerusi perancangan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) khusus bagi tujuan perolehan peralatan Bahagian Operasi Pasukan Khas Pertahanan (BOPKP).

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein ketika sesi lawatan demonstrasi keupayaan ke-siagaan BOPKP di Lapang Sasar Menembak Praktikal, Kem Sungai Besi pada Rabu berkata, selepas hampir dua tahun memulakan perolehan operasian sepenuhnya pada 21 Oktober 2020, lawatan itu amat penting bagi membolehkan pihaknya mengetahui perkembangan terkini pasukan berkenaan.

"BOPKP merupakan sebuah pasukan khas gabungan daripada ketiga-tiga perkhidmatan yang boleh diatur gerak dengan pantas bagi melawan keganasan dan sebarang bentuk krisis yang boleh mengancam keselamatan negara.

"Kekuatan BOPKP me-



Anggota BOPKP melakukan demonstrasi sempena lawatan Hishammuddin di Kem Perdana Sungai Besi pada Rabu.

rangkumi Staf, Tim Tempur dan Tim Bantuan Tempur yang bertindak sebagai Kumpulan Tindakan Pendahuluan (KTP) atau First Responder Group (FRG).

"Soal kesiapsiagaan dan keselamatan negara tidak sekali akan saya komprómi. Justeru, saya telah arahkan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan (MinDef) dan Panglima Angkatan Tentera untuk melaksanakan pemantauan rapi bagi memastikan perolehan ini dilaksanakan seperti perancangan mengikut kenderahan ATM khususnya BOPKP," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan kerja ke Kem Perdana Sungai Besi di sini pada Rabu.

Dalam pada itu, Hishammuddin memaklumkan, MinDef menerusi Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Yayasan LTAT) mengadakan kerjasama strategik bersama Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak) melibatkan

Perolehan BOPKP

- I. Peralatan Khas: **RM 10,059,632**
- II. Peralatan Komunikasi: **RM 7,050,000**
- III. Kendaraan Operasi Khas: **RM 2,800,000**
- IV. Persenjataan: **RM 1,947,336**

peruntukan sebanyak RM15.625 juta.

"Hasil perjanjian persefahaman yang dimeterai hari ini (Rabu) bakal menyediakan 250 tempat setahun bagi tempoh lima tahun untuk anak-anak anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan warga awam MinDef mengikuti Program Dermasiswa Pengajian Asasi Sastera secara percuma.

"Majlis ini merupakan kesinambungan salah satu dari pada lapan perancangan yang diumumkan di Muktawad Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak pada minggu lalu.

MAJLIS MENANDATANGANI MOU DAN PERSEFAHAMAN



Amil Izham (kanan) bertukar dokumen dengan Mohd Nizar (dua dari kiri) disaksikan Hishammuddin pada majlis menandatangani MoU antara UniRazak dan Yayasan LTAT.



Hishammuddin (tengah) melihat peralatan yang digunakan oleh pasukan BOPKP di Lapang Sasar Menembak Praktikal, Kem Sungai Besi pada Rabu.



Hishammuddin menyampaikan komputer riba kepada Ahmad Faiz Syauqi Mohd Fauzi pada majlis menandatangani MoU antara UniRazak dan Yayasan LTAT.



Hishammuddin (tengah) beramah mesra dengan penerima sumbangan.

"Perkara diumumkan hari ini (Rabu) tidak termasuk 500 tempat setahun bagi tempoh lima tahun yang disediakan untuk anak-anak Veteran ATM mengikuti program sama hasil kerjasama UniRazak dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM yang telah diumumkan sejak Mei lalu," katanya.

Beliau sebelum itu menyaksikan Majlis

Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Pegawai Eksekutif Yayasan LTAT, Datuk Dr Mohd Nizar Sudin bersama Ketua Pegawai Eksekutif UniRazak, Amil Izham

Hamzah.

Sementara itu, ketika sesi lawatan ke Sekolah Tahfiz dan Asrama Anak Yatim ATM (STAY ATM) semalam, beliau turut merakam penghargaan kepada Yayasan LTAT atas sumbangan wakalah zakat dan bantuan CSR Pendidikan Yayasan LTAT kepada 74 orang pelajar STAY ATM dengan jumlah keseluruhan RM80,000.

"Ia meliputi sumbangan wakalah zakat RM25,000 dan sumbangan 10 unit komputer untuk makmal komputer STAY ATM bernilai RM30,000," katanya.